

PEMBAYAR

1. Borang Kebenaran Potongan Gaji (PW02) hendaklah diisi oleh pembayar dan diserahkan kepada LZNK atau majikan.
2. Jumlah pembayaran zakat untuk potongan gaji hendaklah dipersetujui oleh pembayar sendiri. (Kadar zakat ialah 2.577% tahun masihi)
3. Sebarang pindaan, penambahan, pengurangan atau pemberhentian perlu diisi di ruangan yang disediakan. Sekiranya pembayar ingin membuat pemberhentian bayaran zakat atau sedekah sila maklumkan juga kepada majikan.
4. Borang Kebenaran Potongan Gaji (PW02) adalah kaedah bayaran zakat melalui saluran potongan gaji yang tidak terhad kepada bayaran zakat pendapatan sahaja. Borang Kebenaran Potongan Gaji (PW02) terbuka untuk semua jenis zakat harta dan sedekah.
5. Zakat pendapatan adalah terdiri daripada gaji, upah, elaun, komisyen, tunggakan gaji dan sebagainya. Manakala Zakat harta pula terdiri daripada wang simpanan, saham, emas, perak dan pengeluaran wang KWSP

MAJIKAN

1. Borang Kebenaran Potongan Gaji (PW02) hendaklah diproses oleh pihak majikan dengan melaksanakan transaksi potongan gaji kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). (Sila rujuk panduan bayaran potongan gaji di bawah)
2. Salinan borang tersebut hendaklah disimpan oleh majikan sebagai rujukan.
3. Pihak majikan hendaklah membuat potongan gaji secara **AUTOMATIK** sekiranya pembayar memilih untuk menanda '**pelarasan peratusan zakat dengan PCB**' atau '**membenarkan potongan zakat bulanan mengikut kenaikan gaji tahunan**'.

BAYARAN POTONGAN GAJI

Majikan boleh memilih untuk membuat bayaran potongan gaji kepada LZNK melalui kaedah *Electronic Fund Transfer* (EFT) atau Cek.

(i) *Electronic Fund Transfer (EFT)*

Berikut adalah maklumat yang diperlukan oleh majikan untuk membuat pindahan bayaran potongan gaji melalui EFT ke akaun LZNK:

NAMA BANK	MAYBANK ISLAMIC
NAMA	LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH
NO. AKAUN BANK	55202277919
NO. PENDAFTARAN	LISPB0915
SWIFT CODE	MBBEMMYKL
EMEL	unithasil@zakatkedah.com.my

Majikan perlu mengemukakan maklumat berikut melalui e-mel dalam tempoh sehari (1) selepas pindahan bayaran potongan gaji melalui EFT ke akaun LZNK:

- (i) Tarikh Pindahan
- (ii) No. Rujukan Bank (Contoh No. EFT)
- (iii) Jumlah Pindahan
- (iv) Keterangan Pindahan (Contoh: Bulan Potongan)
- (v) Data Pembayar (Nama, Nombor Kad Pengenalan, Jumlah Potongan Zakat, No Telefon Pembayar & Majikan, Alamat Majikan)

(ii) *Cek*

Cek hendaklah dibuat atas nama LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH dan dihantar ke alamat berikut:

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Zakat Negeri Kedah
Menara Zakat
Jalan Teluk Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah.
(Unit Hasil, Divisyen Perakaunan)

Majikan perlu mengemukakan Data Pembayar Zakat dalam bentuk *softcopy (excel)* melalui e-mel sebaik sahaja cek dihantar kepada LZNK.

(iii) *Sistem MyMajikan Lembaga Zakat Negeri Kedah (Untuk Kegunaan Majikan Swasta Bagi Potongan Gaji)*

LZNK menyediakan sistem MY MAJIKAN LZNK secara percuma untuk kegunaan pihak Majikan Swasta bagi pengurusan potongan gaji. Pihak Majikan Swasta adalah digalakkan untuk menggunakan sistem ini.

Majikan hendaklah mendaftar masuk ke sistem MY MAJIKAN LZNK di jom.zakatkedah.com.my bagi menguruskan zakat untuk kakitangan dan menjalankan urusan pindahan bayaran potongan gaji untuk kakitangan secara dalam talian.

LZNK juga sedia ke premis anda sekiranya ada keperluan untuk sesi taklimat penggunaan sistem MY MAJIKAN LZNK. Sebarang pertanyaan mengenai penggunaan sistem MY MAJIKAN boleh hubungi LZNK di talian **1-800-88-1740**.

PENYATA RASMI BAYARAN ZAKAT

Penyata Rasmi Bayaran Zakat boleh dicetak terus melalui laman web:

<https://jom.zakatkedah.com.my>